



# **PROTOKOL UNTUK PENYERAHSIMPANAN ELEKTRONIK (PPE)**

## **(PERKHIDMATAN DALAM TALIAN EZBIZ)**

(DIKELUARKAN MENURUT SEKSYEN 22A(4) AKTA PENDAFTARAN PERNIAGAAN  
1956)

### KANDUNGAN

- Mukadimah
- Objektif
- Definisi
- Protokol Serah Simpan
- Tandatangan Elektronik
- Kategori Dokumen
- Kebergantungan kepada Penghantaran Data atau Dokumen Elektronik
- Akses yang Tidak Dibenarkan kepada Rekod/Maklumat Perniagaan
- Fi dan Kaedah Bayaran
- Kerahsiaan dan Keselamatan
- Had Liabiliti SSM

## **1. MUKADIMAH**

- 1.1 Protokol Penyerahsimpanan Elektronik (PPE) menjelaskan parameter untuk pemakaian Perkhidmatan Dalam Talian Ezbiz (seperti ditafsirkan selepas ini) dan cara komunikasi atau penghantaran dokumen yang diluluskan oleh Pendaftar menurut seksyen 22A(4) Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 bagi membolehkan penyerahsimpanan dokumen secara elektronik dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- 1.2 Bagi tujuan dokumen ini, apa-apa rujukan kepada suatu tindakan atau kelulusan oleh Pendaftar atau penyerahsimpanan dokumen kepada Pendaftar bagi tujuan Perkhidmatan Dalam Talian Ezbiz hendaklah juga bermaksud suatu tindakan atau kelulusan oleh SSM atau penyerahsimpanan dokumen dengan SSM.
- 1.3 Pelanggan adalah mana-mana individu yang, sama ada semata-mata atau kepada tahap yang substansial, bertanggungjawab dengan pengurusan perniagaan.
- 1.4 Bagi tujuan menyerah simpan dokumen dengan SSM, Pelanggan hendaklah mematuhi PPE.
- 1.5 SSM boleh mengubah PPE pada bila-bila masa dengan mengeluarkan notis perubahan di laman sesawang SSM.

## **2. OBJEKTIF**

- 2.1 PPE mentadbir parameter Perkhidmatan Dalam Talian Ezbiz dan berfungsi sebagai panduan mengenai bagaimana dokumen hendak disampaikan dan dihantar kepada Pendaftar untuk tujuan serah simpan secara elektronik.

## **3. DEFINISI**

- 3.1 **'Penghantaran Data'** bermaksud satu atau lebih dokumen elektronik dan/atau maklumat lain yang dihimpunkan ke dalam satu mesej yang dihantar kepada SSM oleh Pelanggan.
- 3.2 **'Dokumen Elektronik'** bermaksud borang yang ditetapkan yang diperuntukkan di bawah Perkhidmatan Dalam Talian Ezbiz.
- 3.3 **'Perkhidmatan Dalam Talian Ezbiz'** bermaksud perkhidmatan yang disediakan oleh SSM menurut seksyen 22A(1) Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 untuk penyerahsimpanan dokumen secara elektronik dengan Pendaftar.
- 3.4 **'Tandatangan Elektronik'** bermaksud cara yang digunakan dan ditetapkan oleh SSM untuk mengenalpasti seseorang dan untuk

menunjukkan persetujuan orang itu mengenai maklumat bagi tujuan Perkhidmatan Dalam Talian Ezbiz.

- 3.5 **'Pengenalan Peribadi'** bermaksud pengenalan peribadi Pelanggan termasuk Nombor Kad Pengenalan Baru (NKPB) dan cap ibu jari.
- 3.6 **'Protokol untuk Penyerahsimpanan Elektronik'** (PPE) bermaksud dokumen ini atau apa-apa pindaan kepadanya yang berkuat kuasa dari masa ke semasa.
- 3.7 **"Pelanggan"** bermaksud seseorang yang melanggan Perkhidmatan Dalam Talian Ezbiz dan tertakluk kepada Terma dan Syarat Langganan Ezbiz Online sebagaimana ditentukan oleh Pendaftar menurut seksyen 22A(2) Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.

#### 4. JADUAL PERKHIDMATAN

- 4.1 Perkhidmatan berikut disediakan kepada Pelanggan menurut Fasal 1.3:

Perkhidmatan disediakan oleh Perkhidmatan Dalam Talian Ezbiz	Dokumen Yang Terlibat	Tarikh mula perkhidmatan
Permohonan untuk pendaftaran perniagaan baru	Borang A	01 Ogos 2016
Permohonan untuk perubahan maklumat perniagaan	Borang B	01 Mac 2017
Permohonan untuk pembaharuan pendaftaran perniagaan	Borang A1	15 September 2015
Permohonan untuk penamatan pendaftaran perniagaan	Borang C	15 Oktober 2017

- 4.2 Apabila Pelanggan menyerah simpan dokumen secara elektronik kepada SSM yang mempunyai fi seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Kaedah-Kaedah Pendaftaran Perniagaan (KPP) 1957, Pelanggan hendaklah membayar fi tersebut melalui salah satu kaedah pembayaran yang dinyatakan oleh SSM.

#### 5. TANDATANGAN ELEKTRONIK

- 5.1 SSM boleh menentukan teknologi yang digunakan untuk Tandatangan Elektronik. Pelanggan hendaklah hanya menggunakan Tandatangan Elektronik yang ditentukan dan diluluskan oleh SSM.

- 5.2 Bagi tujuan menyerah simpan dokumen secara elektronik dengan SSM melalui Perkhidmatan Dalam Talian Ezbiz, SSM mengiktiraf NKPB dan cap ibu jari Pelanggan.
- 5.3 Jika SSM membuat penentuan dalam budi bicara mutlakny, yang ia akan mengubah teknologi Tandatangan Elektronik yang boleh diterima, SSM boleh memberikan notis minimum selama satu (1) bulan sebelum keputusan tersebut berkuat kuasa.

## **6. KATEGORI DOKUMEN**

- 6.1 Dokumen termasuk borang yang ditetapkan yang diwartakan oleh Pendaftar bagi tujuan Perkhidmatan Penyerahsimpanan secara Elektronik, dan jika perlu, termasuk apa-apa lampiran yang dikehendaki untuk diserahkan simpan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 dan/atau peraturannya.
- 6.2 Dokumen yang diserahkan simpan secara elektronik dengan SSM melalui Perkhidmatan Dalam Talian Ezbiz hendaklah dianggap sebagai dokumen asal yang mana ia adalah mencukupi untuk dokumen itu ditandatangani oleh Pelanggan sebagaimana dikehendaki oleh Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 dan/atau peraturannya.

## **7. KEBERGANTUNGAN KEPADA PENGHANTARAN DATA ATAU DOKUMEN ELEKTRONIK**

- 7.1 SSM berhak untuk bertindak dan bergantung kepada Penghantaran Data atau Dokumen Elektronik yang dikemukakan oleh Pelanggan.

## **8. AKSES YANG TIDAK DIBENARKAN KEPADA REKOD/MAKLUAMT PERNIAGAAN**

- 8.1 Tiada apa-apa dalam PPE dianggap sebagai memberi apa-apa kemudahan, kuasa atau kelulusan kepada Pelanggan untuk menyerah simpan dokumen berkaitan perniagaan yang mana Pelanggan tidak dibenarkan untuk bertindak.
- 8.2 SSM berhak untuk memantau penggunaan Perkhidmatan Dalam Talian Ezbiz dan jika ia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa Perkhidmatan Dalam Talian Ezbiz telah digunakan secara tidak wajar oleh Pelanggan, mengeluarkan notis untuk menggantung akses Pelanggan untuk Perkhidmatan Dalam Talian Ezbiz sehingga perkara tersebut diselesaikan dengan SSM berpuas hati.

## **9. FI DAN KAEDAH BAYARAN**

- 9.1 Fi dan caj yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Kaedah-Kaedah Pendaftaran Perniagaan 1957 hendaklah dibayar berkenaan dokumen-dokumen yang diserahkan simpan secara elektronik.
- 9.2 Sekiranya fi dibayar untuk perkara yang melibatkan tindakan oleh SSM, SSM tidak akan bertindak sehingga fi dibayar.
- 9.3 Setelah penyerahsimpanan suatu Dokumen Elektronik di mana fi yang ditetapkan telah diperuntukkan di bawah Jadual Kedua Kaedah-Kaedah Pendaftaran Perniagaan 1957, Pelanggan hendaklah membayar fi yang berkaitan melalui salah satu daripada kaedah bayaran berikut:
  - a. kad debit;
  - b. kad kredit;
  - c. perbankan dalam talian (FPX); atau
  - d. melalui kaunter (tunai).

## **10. KERAHSIAAN DAN KESELAMATAN**

- 10.1 Pelanggan hendaklah menjaga kerahsiaan dan memastikan Pengenalan Peribadinya selamat dan pada bila-bila masa Pelanggan hendaklah tidak mendedahkan Pengenalan Peribadi mereka kepada orang lain.
- 10.2 Pelanggan hendaklah mematuhi mana-mana undang-undang lain yang mungkin terpakai berhubung kerahsiaan maklumat yang dipegang atau diakses oleh Pelanggan.
- 10.3 Pelanggan tidak boleh mengeksploitasi secara komersial atau menggunakan maklumat perniagaan yang dibekalkan atau disediakan kepada Pelanggan, selain untuk tujuan penghantaran ke SSM.

### **10A. LARANGAN EKSPLOITASI KOMERSIAL**

- 10A.1 Pelanggan tidak boleh mengeksploitasi secara komersial Perkhidmatan Dalam Talian Ezbiz. Eksploitasi komersial termasuk apabila Pelanggan melakukan transaksi untuk pembaharuan pendaftaran perniagaan bagi tujuan keuntungan. Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan dianggap melakukan transaksi bagi tujuan keuntungan apabila dia bukan rakan perniagaan atau orang yang bertanggungjawab untuk perniagaan tersebut.
- 10A.2 SSM dan Pendaftar mempunyai hak untuk menamatkan langganan Pelanggan jika ia dapat dibuktikan bahawa Pelanggan telah

mengeksplotasi secara komersial Perkhidmatan Dalam Talian Ezbiz atau melanggar mana-mana terma dan syarat yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Langganan Ezbiz Online SSM bertarikh 30 Ogos 2021.

## **11. PENGEQUALIAN LIABILITI**

- 11.1 SSM dan Pendaftar tidak bertanggungjawab untuk apa-apa kehilangan atau kerugian yang dialami oleh Pelanggan, perniagaan yang diwakili atau mana-mana orang lain berikutan penggunaan Perkhidmatan Dalam Talian Ezbiz oleh sebab apa-apa kesilapan atau peninggalan dalam apa-apa sifat atau bagaimanapun ianya timbul.

Dengan kelulusan **PENDAFTAR PERNIAGAAN**

30 Ogos 2021



# **PROTOCOL FOR ELECTRONIC LODGEMENT (PEL) (EZBIZ ONLINE SERVICES)**

(ISSUED PURSUANT TO SECTION 22A(4) OF THE REGISTRATION OF BUSINESSES  
ACT 1956)

## CONTENTS

- Preamble
- Objectives
- Definitions
- Lodgement Protocols
- Electronic Signature
- Categories of Documents
- Reliance on Data Transmission or Electronic Document
- Unauthorised Access to Business Records/Information
- Fees and Methods of Payment
- Confidentiality and Security
- Limitation of SSM's Liability

## **1. PREAMBLE**

- 1.1 The Protocol For Electronic Lodgement (PEL) explains the parameters for the application of Ezbiz Online Service (as defined hereinafter) and the manner of communication or transmission of documents approved by the Registrar pursuant to section 22A(4) of the Registration of Businesses Act 1956 to enable the lodgement of documents electronically with the Companies Commission of Malaysia (SSM).
- 1.2 For the purpose of this document, any reference to an act or approval by the Registrar or lodgement of documents with the Registrar for the purpose of Ezbiz Online Service shall also mean an act or approval by SSM or lodgement of documents with SSM.
- 1.3 Subscribers shall be any individual who, either solely or to a substantial extent, responsible with the management of a business.
- 1.4 In order to lodge documents electronically with SSM, a Subscriber shall comply with the PEL.
- 1.5 SSM may vary the PEL at any time by publishing notice of the variation on SSM's website.

## **2. OBJECTIVES**

- 2.1 PEL governs the parameters of the Ezbiz Online Service and serves as a guide on how documents are to be communicated and transmitted to the Registrar for the purpose of e-lodgement.

## **3. DEFINITIONS**

- 3.1 **'Data Transmission'** means one or more electronic documents and/or other information assembled into a single message sent or transmitted to SSM by the Subscriber.
- 3.2 **'Electronic Document'** means the prescribed forms provided under the Ezbiz Online Service.
- 3.3 **'Ezbiz Online Service'** means a service provided by SSM pursuant to section 22A(1) of the Registration of Businesses Act 1956 for the electronic lodgement of documents with the Registrar.
- 3.4 **'Electronic Signature'** means a method used and prescribed by SSM to identify a person and to indicate that person's approval of the information for the purpose of Ezbiz Online Service.



- 3.5 **'Personal Identification'** means the personal identification of the Subscriber which includes the New Registration Card Number (NRIC) and his thumb print.
- 3.6 **'Protocol For E-Lodgement'** (PEL) means this document or any amendments to it as in force from time to time.
- 3.7 **"Subscriber"** means a person who has subscribed to the Ezbiz Online Services and subject to the Ezbiz Online Terms and Conditions of Subscription as determined by the Registrar pursuant to section 22A(2) of the Registration of Businesses Act 1956.

#### 4. TABLE OF SERVICES

- 4.1 The following services are available to a Subscriber pursuant to Clause 1.3:

Service provided by the Ezbiz Online Service	Documents involved	Date of commencement of service
Application for registration of new business	Form A	01 August 2016
Application for change of business particulars	Form B	01 March 2017
Application for renewal of business registration	Form A1	15 September 2015
Application for termination of business registration	Form C	15 October 2017

- 4.2 Where the Subscriber lodges a document electronically with SSM which attracts a fee as set out in the Second Schedule of the Registration of Businesses Rules (RBR) 1957, the Subscriber shall pay such fee by one of the payment methods indicated by SSM.

#### 5. ELECTRONIC SIGNATURE

- 5.1 SSM may determine the technology to be used as Electronic Signature. The Subscriber shall use only the Electronic Signature as determined and approved by SSM.
- 5.2 For the purpose of lodging document electronically with SSM through the Ezbiz Online Service, SSM recognises the NRIC and the thumb print of the Subscriber.

- 5.3 Should SSM determine in its absolute discretion, that it will vary the technology of acceptable Electronic Signature, SSM may give a minimum of one (1) month notice before such decision becomes effective.

## **6. CATEGORIES OF DOCUMENTS**

- 6.1 A document includes the prescribed forms gazetted by the Registrar for the purposes of the E-Lodgement Service, and if required, includes any attachment required to be lodged under the Registration of Businesses Act 1956 and/or its regulations.
- 6.2 A document lodged electronically with SSM through the Ezbiz Online Service shall be deemed to be the original document where it is sufficient for the document to be signed and lodged by the Subscriber as required by the Registration of Businesses Act 1956 and/or its regulations.

## **7. RELIANCE ON DATA TRANSMISSION OR ELECTRONIC DOCUMENT**

- 7.1 SSM is entitled to act and rely on a Data Transmission or Electronic Document submitted by the Subscriber.

## **8. UNAUTHORISED ACCESS TO BUSINESS RECORDS/INFORMATION**

- 8.1 Nothing in the PEL is to be taken as extending any facility, power or approval to the Subscriber to lodge documents in respect of businesses for which the Subscriber is not authorised to act.
- 8.2 SSM reserves the right to monitor the use of its Ezbiz Online Service and if it has a reasonable cause to believe that the Ezbiz Online Service has been improperly used by the Subscriber, issue a notice to suspend the Subscriber's access to the Ezbiz Online Service until the matter is resolved to the satisfaction of SSM.

## **9. FEES AND METHODS OF PAYMENT**

- 9.1 The fees and charges set out in the Second Schedule of the Registration of Businesses Rules 1957 shall be payable in respect of documents lodged electronically.
- 9.2 Where a fee is payable for a matter involving the doing of an act by SSM, SSM shall not do such act until the fee is paid.

- 9.3 Upon lodgement of an Electronic Document which prescribed fee is provided for under Second Schedule of the Registration of Businesses Rules 1957, the Subscriber shall pay the relevant fee via one of the following payment methods:
- a. debit card;
  - b. credit card;
  - c. online banking (FPX); or
  - d. over the counter (cash).

## **10. CONFIDENTIALITY AND SECURITY**

- 10.1 The Subscriber shall keep confidential and secure his/her Personal Identification and at no time shall the Subscriber reveal his/her Personal Identification to other person(s).
- 10.2 The Subscriber shall comply with any laws that may apply in relation to the privacy of information that the Subscriber holds or accesses.
- 10.3 The Subscriber must not commercially exploit or otherwise use any information of a business supplied or made available to the Subscriber, other than for the purpose of transmission to SSM.

## **10A. PROHIBITION OF COMMERCIAL EXPLOITATION**

- 10A.1 The Subscriber shall not commercially exploit the Ezbiz Online Services. Commercial exploitation includes when the Subscriber conducts transactions for renewals of business registration for the purpose of gain. For avoidance of doubt, a Subscriber is deemed to be conducting transactions for purposes of gain when he is not an associate of the business or a person responsible for the business.
- 10A.2 SSM and the Registrar has the right to terminate the subscription of the Subscriber if it is established that the Subscriber has commercially exploited the Ezbiz Online Service or breach any of the terms and conditions stated in SSM's Ezbiz Online Terms and Conditions of Subscription dated 30 August 2021.

## **11. EXCLUSION OF LIABILITY**

- 11.1 SSM and the Registrar shall not be liable for any loss or damage suffered by the Subscriber, the business represented or any other person pursuant to the use of the Ezbiz Online Service by reason of any error or omission of any nature or however arising.

By approval of the **REGISTRAR OF BUSINESSES**

30 August 2021